



Nestlé Good food, Good life

Siaran Akhbar

Subang Jaya, 7 Oktober 2021

Nestlé Lancarkan Program Kitar Semula di Subang Jaya menerusi Kerjasama dengan MBSJ

Perkukuh komitmen untuk mengurangkan penggunaan plastik mentah, mencapai kadar kitar semula 100% dan mempromosikan sistem pengumpulan pengasingan

Nestlé Malaysia terus memperkukuh komitmennya terhadap masa depan bebas sisa dengan memperluaskan program Kutipan & Kitar Semula Pintu ke Pintu ke Subang Jaya menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani dengan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ). Usaha ini menandakan peluasan program kitar semula perintis Nestlé yang dilancarkan buat pertama kali di Petaling Jaya (PJ) pada Oktober 2020 dengan kerjasama Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Program tersebut merupakan inisiatif sukarela Tanggungjawab Pengeluar Lanjutan (EPR) oleh Nestlé yang bertujuan mengurangkan pengeluaran sisa isi rumah dan melaksanakan sistem pengurusan sisa pepejal yang lebih berkesan dan bersepadu di kawasan perbandaran. Langkah ini bukan sahaja akan mencegah sisa pepejal daripada dihantar ke tapak pelupusan sampah, tetapi juga membantu mewujudkan ekonomi kitaran di Malaysia, sejajar dengan komitmen Nestlé untuk memastikan bahawa 100% daripada pembungkusan kami boleh dikitar semula atau diguna semula menjelang 2025.

Buat masa ini, program menyediakan khidmat kutipan bahan kitar semula di kaki lima di lapan taman perumahan di PJ, membabitkan lebih daripada 20,000 isi rumah. Inisiatif tersebut telah mendapat pengiktirafan sebagai kajian kes oleh Program Alam Sekitar Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP) dan Kementerian Alam Sekitar dan Air Malaysia kerana berjaya memberi inspirasi untuk meningkatkan kadar penyertaan kitar semula.

Seterusnya dengan kerjasama MBSJ, program ini dilaksanakan bermula dengan fasa pertama di Zon 1 dan 4 di Subang Jaya (USJ3, USJ 3A-3D, USJ 6 dan SS12) yang memanfaatkan sekurang-kurangnya 5,500 isi rumah, dengan matlamat untuk secara

beransur-ansur mencapai sehingga 8,500 isi rumah melibatkan Zon 3 dan 6 menjelang akhir tahun.

Turut hadir di majlis tandatangan MoU ialah YDH. TPr. Hajah Noraini binti Haji Roslan, Datuk Bandar Subang Jaya. Beliau berkata, "Setiap tahun, Malaysia menghasilkan 14 juta tan sisa pepejal perbandaran, dengan sebahagian besar daripadanya merupakan sisa makanan dan plastik. Walaupun MBSJ telah menggiatkan usaha pengurusan sisa untuk meningkatkan jumlah sisa kitar semula yang dikumpulkan, tindakan lanjut mesti diambil untuk meningkatkan kadar kitar semula, terutamanya dalam kalangan isi rumah. MBSJ mengalu-alukan dan amat berbesar hati dengan program kerjasama ini. Sehubungan dengan itu, program kerjasama bersama Nestlé Malaysia dan KPT Recycle Sdn Bhd ini diharapkan akan mendapat maklum balas dan sokongan yang baik daripada penduduk serta dapat diperluaskan lagi ke kawasan perumahan lain."

En Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad mengulas, "Peningkatan kitar semula menerusi peningkatan pengasingan dan pengumpulan di peringkat akar umbi seperti ini adalah elemen utama ke arah mencapai komitmen jangka panjang kami terhadap kelestarian. Kami sukacita untuk bekerjasama dengan MBSJ untuk terus meluaskan liputan kawasan projek kutipan di kaki lima kami. Program ini bukan sahaja memudahkan penduduk untuk mengitar semula, tetapi juga menyediakan platform yang sesuai untuk mendidik penduduk tentang langkah kitar semula berkesan dan cara membezakan bahan kitar semula dan bukan kitar semula. Sejak pelancaran program pada 2020, kami mencatatkan penyertaan hampir 80% isi rumah, dengan mengumpul hampir 600 tan bahan kitar semula kering campuran (DMR). Ini membuktikan bahawa dengan proses dan panduan sewajarnya, rakyat Malaysia sanggup menyertai usaha kitar semula. Kami ingin meningkatkan liputan kepada kawasan kediaman yang lebih luas sejajar dengan wawasan kami untuk memastikan tiada pembungkusan, termasuk plastik, berakhir di tapak pelupusan sampah atau dibuang sebagai sampah sarap, dan juga meningkatkan usaha mengurangkan penggunaan dan kebergantungan kepada plastik mentah."

Menerusi program ini, satu jadual kutipan khusus untuk sisa buangan kitar semula diperkenalkan. Isi rumah yang turut serta dibekalkan dengan tong kutipan berasingan. Kutipan bahan kitar semula akan dilakukan setiap minggu oleh rakan kerjasama projek, KPT Recycles dan Tetra Pak, bagi memastikan proses yang lancar untuk semua. Antara DMR yang dikumpulkan dari rumah kediaman terbabit termasuk kertas, kadbod, plastik, kotak minuman terpakai, logam dan kaca, yang akan disisihkan mengikut kategori DMR masing-masing di Pusat Penyisihan dan Kemudahan Kutipan Bahan KPT.

Untuk memupuk tingkah laku baharu dan memahami kepentingan kitar semula, proses libat urus dan membina kesedaran intensif juga akan dilaksanakan bagi isi rumah yang turut serta, termasuk yang membabitkan Persatuan Penduduk. Usaha ini akan

memainkan peranan dalam usaha Nestlé mencapai sasaran mengumpulkan kira-kira 50 hingga 60 tan sisa buangan plastik sebulan daripada isi rumah yang turut serta di Subang Jaya.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6456

Bimbit: +6012 235 6865

E-mel: Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.com

Alya Nurina atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

Bimbit: +6010-221 8216 (Alya) atau

E-mel: +6017-237 9048 (Yasmin)

acorncommunications@acornco.com.my

